

Headline	Inisiatif pembiayaan kredit Tabling Haji, Bank Islam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	1,3	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	491 cm ²
Journalist	MOHD. ASRON MUSTAPHA	AdValue	RM 9,793
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,379



Inisiatif pembiayaan kredit Tabung Haji, Bank Islam

- Perdana Menteri lancar Dana Bumiputera Al-Ansar berjumlah RM200 juta.
- Dana itu bertujuan memperkasakan agenda ekonomi Bumiputera.
- Inisiatif Lembaga Tabung Haji dan Bank Islam itu tawar kemudahan kredit sehingga RM1 juta.



Saya percaya dengan adanya dana sebegini akan membantu usahawan Bumiputera bukan sahaja untuk memulakan perniagaan tetapi mengembangkan lagi sehingga menjadi pemain antarabangsa."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Inisiatif pembiayaan kredit RM200j Tabung Haji, Bank Islam

Dana Bumiputera Al-Ansar dilancar


Chen MOHD. ASRON MUSTAPHA
perigarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 APRIL

Headline	Inisiatif pembiayaan kredit Tabling Haji, Bank Islam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	1,3	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	491 cm ²
Journalist	MOHD. ASRON MUSTAPHA	AdValue	RM 9,793
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,379

LANGKAH pemerkaasan bumi-putera yang menjadi agenda nasional kerajaan terus dibuktikan melalui pelan tindakan apabila sebuah lagi dana khas, iaitu Dana Bumiputera Al-Ansar dengan jumlah RM200 juta dilancarkan.

Dana tersebut yang merupakan inisiatif Lembaga Tabung Haji dengan kerjasama Bank Islam menawarkan kemudahan pembiayaan kredit antara RM50,000 hingga RM1 juta untuk tempoh pembiayaan maksimum lima tahun kepada usahawan bumiputera.

Antara kemudahan kredit yang ditawarkan ialah pembiayaan berkala, dagangan, kontrak, modal kerja dan perbelanjaan modal membabitkan 11 sektor ekonomi berdaya saing seperti makanan halal, pembinaan, pendidikan, pertanian serta minyak dan gas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang gembira dengan inisiatif diambil Lembaga Tabung Haji

itu berkata, Dana Bumiputera Al-Ansar merupakan dana patuh syariah pertama di negara ini yang mendapat kelulusan daripada Bank Negara.

“Sebagaimana saya ikrar-karunia sebelum ini bahawa agenda pemerkaasan bumiputera adalah agenda nasional, ini sebahagian daripada program dan pelan tindakan yang kita ambil untuk memastikan agenda memperkasa ekonomi bumiputera menjadi kenyataan.”

Saya percaya dengan adanya dana sebegini akan membantu usahawan bumiputera bukan sahaja untuk memulakan perniagaan tetapi

mengembangkan lagi sehingga menjadi pemain antarabangsa,” katanya semasa berucap merasmikan dana itu di bangunan Parlimen hari ini.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Penggerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim serta Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Peng-

wai Eksekutif Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail dan Penggerusi Bank Is-

lam, Datuk Zamani Abdul Ghani.

Sempena majlis itu, Najib turut menyerahkan kontrak pembiayaan kepada 11 syarikat bumiputera pertama yang mendapat pembiayaan kredit Dana Bumiputera Al-Ansar.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menggesa usahawan bumiputera menggunakan peluang pembiayaan yang ditawar untuk keluar daripada kepompong mikro enterprise, sebaliknya perlu memberanikan diri sekurang-kurangnya menjadi perusahaan kecil dan sederhana.

Beliau juga menyeru agar lebih banyak syarikat milik kerajaan (GLC) mengikut jejak langkah Tabung Haji dalam membantu kerajaan memperkasakan ekonomi bumiputera dengan menawarkan dana khusus.

“Langkah begini mampu memberi impak yang besar kepada agenda memperkasa ekonomi bumiputera dan saya berharap lebih banyak GLC dapat mengambil pendekatan serupa,” katanya.



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan Dana Bumiputera Al-Ansar kepada Pengusaha Stesen Minyak Petronas NKVE, Mohammad Fuad Abdul Samad dalam majlis Pelancaran Dana Bumiputera Al-Ansar Lembaga Tabung Haji di bilik taklimat Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. Turut sama Jamil Khir Baharom (kiri), Abdul Azeez Abdul Rahim (tiga dari kanan) dan Ismee Ismail (kanan). - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD RAHMAN